



اَوْنَبُوْزِ سَيِّدِيْ بِاَتِيْكَوْ لَوِيْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN

STRATEGIC RESEARCH PARTNERSHIP (SRP)

INTERNATIONAL

(PINDAAN TAHUN 2023)

**Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan
dan Inovasi (TNCPi)**

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8259
Faks : (+603) 5544 8280



اَوْنَبُوْزِ سَيِّدِيْ بِاَتِيْكَوْ لَوِيْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan <i>Strategic Research Partnership</i> (SRP)	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	5
4.0 Peraturan Kewangan	6
5.0 Peraturan Permohonan	7
6.0 Penilaian Geran	7
7.0 Pemantauan Penyelidikan	8
8.0 Keberhasilan Penyelidikan	8

**FALSAFAH, VISI DAN MISI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

FALSAFAH

Every individual has the ability to attain excellence through the transfer of knowledge and assimilation of moral values so as to become professional graduates capable of developing knowledge, self, society and nation

VISI

To establish UiTM as a Globally Renowned University of Science, Technology, Humanities and Entrepreneurship

MISI

To lead the development of agile, profesional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN PENYELIDIKAN *STRATEGIC RESEARCH PARTNERSHIP (SRP)*

1.0 PENGENALAN

- 1.0 Geran Penyelidikan *Strategic Research Partnership (SRP)* diwujudkan untuk memperkasakan prestasi penyelidikan UiTM melalui hubungan kerjasama bersama industri/agensi nasional dan antarabangsa. Ianya juga bertujuan memantapkan hubungan kerjasama bersama institusi antarabangsa selaras dengan aspirasi *Globally Renowned University (GRU) 2025*, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Malaysia MADANI.
- 1.1 Geran ini merupakan geran padanan (*Matching grant*) yang akan ditawarkan kepada penyelidik yang mempunyai hubungan kerjasama kukuh dengan institusi, industri atau agensi bagi meningkatkan bilangan geran industri/swasta dan antarabangsa, penerbitan bersama di dalam jurnal berindeks, MoU/MoA, penghasilan produk, *Intellectual Property Right (IPR)*, pengkomersilan dan sebagainya.
- 1.2 Geran ini juga bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan penyelidik agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan industri/ swasta dan antarabangsa yang lebih besar jumlahnya.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

- 2.1 Geran padanan ini adalah berdasarkan nisbah padanan maksimum 1 : 1. Jangka masa projek selama dua (2) tahun dan jumlah peruntukan maksimum yang boleh dibiayai oleh UiTM adalah seperti berikut:

Kategori	Bidang	Peruntukan (RM)
Antarabangsa (Institusi/Industri/Agensi)	Sains & Teknologi	50,000.00
	Sains Sosial	30,000.00

- 2.2 Bagi jumlah peruntukan dan jangkamasa projek melebihi peruntukan atau tempoh yang ditetapkan atau kolaborasi berasaskan MoU Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah tertakluk kepada pertimbangan jawatankuasa.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik mestilah merupakan staf akademik warganegara Malaysia bertaraf tetap / kontrak di UiTM.
- 3.2 Ketua Penyelidik mestilah bukan ketua kepada geran SRP yang aktif.
- 3.3 Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara), namun begitu keutamaan diberikan kepada staf akademik berkelayakan PhD.
- 3.4 Staf baru yang menjadi Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.
- 3.5 Staf akademik yang cuti belajar atau cuti sabbatical melebihi enam (6) bulan tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/ Penyelidik tetapi dibenarkan menjadi Penyelidik Bersama.
- 3.6 Keanggotaan ketua dan ahli penyelidik daripada kalangan Entiti Kecemerlangan UiTM yang melibatkan bidang S&T dan SS adalah digalakkan.
- 3.7 Setiap projek mesti melibatkan kerjasama di antara UiTM dan sekurang-kurangnya satu (1) buah Institusi/Industri/Agensi luar negara. Selaras dengan tema strategik UiTM, *Globally Marketable 2023* negara keutamaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Pemohon yang telah berjaya menamatkan geran SRP tidak dibenarkan memohon dari Institusi/Industri/Agensi yang sama.
- 3.8 Setiap projek hendaklah dibiaya secara bersama oleh kesemua rakan kerjasama dengan padanan minima 1:1. Jumlah maksimum peruntukan UiTM adalah sebanyak RM50,000.00 (S&T) dan RM30,000.00 (SS).
- 3.9 Hanya sumbangan kewangan (RM) sahaja kepada akaun Bendahari UiTM yang akan diambil kira bagi padanan manakala sumbangan dalam bentuk *in-kind* adalah digalakkan
- 3.10 Permohonan ini wajib disertakan dengan *Letter of Intent* (LoI) dan draf Dokumen Perjanjian (MoA) yang perlu memperincikan perkara-perkara di bawah :
 - i. Nilai pembiayaan oleh setiap pihak.
 - ii. Kaedah transaksi pembayaran oleh Institusi antarabangsa yang memerlukan bukti penerimaan dana.
 - iii. Tajuk penyelidikan dan perancangan aktiviti.
- 3.11 UiTM dan rakan kolaborasi adalah bertanggungjawab untuk:
 - a. Menyediakan surat tawaran geran kepada Ketua Penyelidik pihak kolaborasi.
 - b. Memastikan sumbangan kewangan (RM) disalurkan kepada akaun rasmi pihak kolaborasi untuk diambil kira sebagai nilai padanan.
 - c. Segala sumbangan dalam bentuk *in-kind* adalah digalakkan.
 - d. Sekiranya tiada transaksi kewangan, peruntukan geran ini hanyalah untuk kegunaan penyelidik kolaborasi sahaja (contoh; sangkutan penyelidikan jangka pendek, pembayaran yuran penerbitan dan pembelian bahan penyelidikan).

- 3.12** MoA perlu ditandatangani dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelulusan bagi tujuan pengaktifan geran (pengaktifan geran berdasarkan bukti MoA **ATAU** penerimaan peruntukan masuk dari pihak kolaborasi luar ke akaun Bendahari UiTM). Perbelanjaan tidak dibenarkan sehingga geran telah diaktifkan.
- 3.13** Setiap projek mesti mempunyai jumlah penyelidik minimum seramai tiga (3) orang termasuk Ketua Projek/ Penyelidik. Sekurang-kurangnya satu (1) Penyelidik Bersama UiTM adalah warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dengan Ketua Projek/Penyelidik. Permohonan mestilah mempunyai keahlian yang seimbang dari segi gred jawatan.
- 3.14** Pemohon hendaklah memastikan projek padanan ini mendapat persetujuan dari pihak kolaborasi dan mempunyai bukti/dokumen persetujuan sebagai projek padanan.
- 3.15** Pemohon digalakkan menyertakan bukti hubungan kolaborasi kukuh yang telah terjalin antara penyelidik UiTM dan penyelidik di Industri/Institusi/Agensi antarabangsa seperti penerbitan bersama, penyeliaan bersama dan lain-lain.
- 3.16** Peruntukan kewangan tertakluk kepada pembahagian peruntukan yang dinyatakan di dalam MoA.
- 3.17** Hanya Ketua Penyelidik yang pernah mengetuai atau mempunyai bukti permohonan geran luar (*proof of submission*) dalam tempoh tiga (3) tahun ke belakang layak memohon geran ini.
- 3.18** Ketua Penyelidik hendaklah mengenalpasti dan memilih kementerian yang berkaitan dengan projek yang ingin dijalankan sebagai pelaksana hasil kajian penyelidikan (*end user*) (termasuk agensi seperti yang di lampiran B)
- 3.19** Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama mestilah menyumbang minimum RM 20.00 sebulan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan. Pihak RMC berhak untuk menamatkan geran SRP yang telah ditawarkan sekiranya ketua penyelidik didapati tidak menyumbang pemotongan TAPIU sepanjang geran aktif.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1** Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, Penginapan dan Pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA) tidak melebihi RM2,300.00 sebulan bagi berkelulusan sarjana dan RM2,500.00 sebulan bagi berkelulusan kedoktoran. Bayaran RA adalah termasuk bayaran KWSP dan SOCSO bagi setiap bulan (caruman majikan dan pekerja). Tempoh lantikan RA yang dibenarkan adalah tidak melebihi enam (6) bulan sepanjang geran aktif.
- 4.3 Bayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) tidak melebihi RM1,800.00 sebulan bagi pelajar sarjana dan RM2,000.00 sebulan bagi pelajar kedoktoran.
- 4.4 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.5 Permohonan pembantu penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem *Portal for Research and Innovation Management (PRIME)* <https://prime.uitm.edu.my>.
- 4.6 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPi dan Pejabat Naib Canselor. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk perjalanan dalam negara sahaja bagi tujuan penyelidikan. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.
- 4.7 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran universiti bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak) adalah tidak dibenarkan kecuali menggunakan peruntukan kolaborasi luar dan mendapat kelulusan dari pihak kolaborasi luar.
- 4.8 Hanya Ketua Penyelidik dan/atau seorang Penyelidik Bersama sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- 4.8.1. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menjalankan aktiviti penyelidikan/ persidangan/ seminar/ bengkel/ kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- 4.8.2. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan/ paling bersesuaian/ ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- 4.9 Kos bayaran profesional kepada penyelidik UiTM **TIDAK** dibenarkan.
- 4.10 Semua geran dalaman di bawah geran universiti tertakluk pada pemotongan 5% (kos pentadbiran). Peruntukan padanan pihak luar adalah digalakkan menyumbang kepada pemotongan 5% bergantung kepada kelulusan penaja.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan Geran Penyelidikan SRP ini perlu menggunakan borang permohonan yang terkini melalui laman sesawang RMC (<https://rmc.uitm.edu.my/>) dan emel hebahan.

- 5.2 Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja, justeru, pemohon perlulah memastikan kertas cadangan yang dihantar untuk penilaian adalah berkualiti tinggi dan memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan.

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1 Permohonan Geran Penyelidikan SRP akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPi.
- 6.2 Surat kelulusan bersyarat akan diberikan kepada Ketua Penyelidik bagi projek yang diluluskan. Ketua Penyelidik perlu menyelesaikan proses MoA dalam tempoh maksimum **enam (6) bulan** bagi memastikan MoA yang telah lengkap serta dimatikan setem dikemukakan ke RMC. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan dana geran dibekukan sehingga MoA dilengkapkan.
- 6.3 Bagi kerjasama bersama Institusi antarabangsa, surat kelulusan penuh akan diberikan kepada Ketua Penyelidik setelah salinan dokumen perjanjian MoA yang lengkap sertadimatikan setem diterima oleh RMC. Tarikh mula projek dan pendaftaran dalam sistem akan berkuatkuasa berdasarkan tarikh surat kelulusan penuh.
- 6.4 Bagi kerjasama bersama Industri atau Agensi luar negara, surat kelulusan penuh akan diberikan kepada Ketua Penyelidik setelah salinan dokumen perjanjian MoA yang lengkap serta dimatikan setem diterima oleh RMC atau bukti penyalurandana penyelidikan yang diterima oleh Bendahari UiTM. Tarikh mula projek dan pendaftaran dalam sistem akan berkuatkuasa berdasarkan tarikh surat kelulusan penuh.
- 6.5 Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.
- 6.6 Keputusan kelulusan adalah muktamad.

7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 7.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 7.2 Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian PRIME.
- 7.3 Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 7.4 Kumpulan Penyelidik perlu mengikut perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang telah dipersetujui semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.

- 7.5 Kegagalan memenuhi perkara 7.2 hingga 7.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.6 Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas talian melalui sistem PRIME sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama permohonan.
- 7.7 Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian (PRIME) dengan keperluan justifikasi yang kukuh dan hanya boleh dilakukan di dalam tempoh **6 bulan** pertama projek berlangsung.
- 7.8 Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 7.9 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM 2021.
- 7.10 Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research* 2017.

8.0 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Geran ini perlu menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS/WoS (S&T) atau ERA/MyCITE (SS) dengan afiliasi bersama institusi, industri atau agensi luar negara bagi **SETIAP PROJEK**.
- 8.2 Penyelidik diwajibkan menghantar sekurang-kurangnya satu (1) permohonan Geran Penyelidikan Nasional/Antarabangsa/Swasta bersama pihak kolaborasi dalam tempoh projek aktif.
- 8.3 Segala aktiviti penyelidikan bersama perlu dilaporkan menggunakan Borang Pelaporan Aktiviti di bawah MoA Antarabangsa bagi pelaporan MyRA setiap tahun bagi tempoh projek.
- 8.4 Hasil kolaborasi berimpak lain-lain (contoh: latihan sangkutan industri penyeliaan bersama, tindakan penyelidik, penceramah jemputan, penyelidik jemputan, editor dan lain-lain) adalah digalakkan.
- 8.5 Penghargaan kepada geran *Strategic Research Partnership* (SRP) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

LAMPIRAN A

Senarai Negara *Upper Middle* dan *High Income* UMHI

High-income		Upper-middle-income	
Australia	Latvia	Albania	Jordan
Austria	Lithuania	Argentina	Kazakhstan
Bahamas	Luxembourg	Armenia	Lebanon
Bahrain	Malta	Azerbaijan	Libya
Barbados	Netherlands	Belarus	Malaysia
Belgium	New Zealand	Bosnia and Herzegovina	Maldives
Brunei Darussalam	Norway	Botswana	Mauritius ^b
Canada	Oman	Brazil	Mexico
Chile	Poland	Bulgaria	Montenegro
Croatia	Portugal	China	Namibia
Cyprus	Qatar	Colombia	North Macedonia
Czechia	Republic of Korea	Costa Rica	Panama ^b
Denmark	Saudi Arabia	Cuba	Paraguay
Estonia	Singapore	Dominican Republic	Peru
Finland	Slovakia	Ecuador	Republic of Moldova
France	Slovenia	Equatorial Guinea	Romania ^b
Germany	Spain	Fiji	Russian Federation
Greece	Sweden	Gabon	Serbia
Hong Kong SAR ^d	Switzerland	Georgia	South Africa
Hungary	Taiwan Province of China	Guatemala	Suriname
Iceland	Trinidad and Tobago	Guyana	Thailand
Ireland	United Arab Emirates	Iraq	Turkey
Israel	United Kingdom	Jamaica	Turkmenistan
Italy	United States		
Japan	Uruguay		
Kuwait			

Sumber : *The World Bank and the International Monetary Fund*

(<https://www.worldbank.org/en/topic/debt/brief/hipc>).

- a. *Countries that have qualified for irrevocable debt relief under the HIPC Initiative.*
- b. *Countries that are potentially eligible and may wish to avail themselves of the HIPC Initiative or the Multilateral Debt Relief Initiative (MDRI)*

Lampiran B

SENARAI KEMENTERIAN DAN AGENSI

No	AGENSI	
1.	Jabatan Perdana Menteri (Prime Minister's Department)	JPM
2.	Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs)	MOHA
3.	Kementerian Kewangan (Ministry of Finance)	MOF
4.	Kementerian Pertahanan (Ministry of Defence)	MOD
5.	Kementerian Pendidikan (Ministry of Education)	KPM
6.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (Ministry of Rural and Regional Development)	KKDW
7.	Kementerian Pendidikan Tinggi (Ministry of Higher Education)	KPT
8.	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (Ministry of Local Government Development)	KPKT
9.	Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport)	MOT
10.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Ministry of Agriculture and Food Security)	KPKM
11.	Kementerian Sumber Manusia (Ministry of Human Resources)	KSM
12.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Ministry of Women, Family and Community Development)	KPWKM
13.	Kementerian Kesihatan Malaysia (Ministry of Health)	KKM
14.	Kementerian Belia dan Sukan (Ministry of Youth and Sports)	KBS
15.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development)	KUSKOP
16.	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change)	NRECC
17.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Ministry of Domestic Trade and Cost of Living)	KPDN
18.	Kementerian Luar Negeri Malaysia (Ministry of Foreign Affairs Malaysia)	KLN
19.	Kementerian Perladangan Dan Komoditi (Ministry of Plantation and Commodities)	KPK
20.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation of Malaysia)	MOSTI
21.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry)	MITI
22.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Ministry of Tourism, Arts and Culture)	MOTAC
23.	Kementerian Kerja Raya (Ministry of Works)	KKR